

SMK Pantai Serahkan Juadah Berbuka Puasa Kepada Murid Anak Yatim dan Murid Kurang Berkemampuan



Labuan, 22 Mac 2025 – Dalam usaha menyemai nilai kebersamaan dan keprihatinan sempena Ramadan, Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Pantai telah menganjurkan program **Penyerahan Juadah Berbuka Puasa** kepada murid-murid anak yatim dan kurang berkemampuan. Penyerahan ini bermula pada jam 4 hingga 6 petang di Pintu Pagar Sekolah pada Sabtu, 22 Mac 2025.

Program ini mendapat sokongan penuh daripada warga sekolah, termasuk guru-guru, ibu bapa, serta komuniti setempat. Juadah berbuka puasa yang diedarkan bertujuan meringankan beban keluarga murid-murid tersebut, sambil meraikan semangat Ramadan yang menekankan sifat murah hati dan kasih sayang.

Penyerahan juadah berbuka ini disambut dengan penuh rasa

syukur oleh murid-murid penerima. SMK Pantai berharap agar inisiatif ini membawa kegembiraan kepada mereka yang memerlukan, serta mengeratkan hubungan antara warga sekolah dan komuniti setempat.

Pihak UBK menyatakan komitmen untuk terus menganjurkan program-program seperti ini pada masa akan datang, bagi memastikan semangat kebersamaan terus subur dalam kalangan masyarakat sekolah.







SMK Pantai Adakan Majlis

Khatam Al-Qur'an, Penutupan Ihya' Ramadan & Ambang Syawal 1446H / 2025M



Labuan, 24 Mac 2025 – Panitia Pendidikan Islam telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an, Penutupan Ihya' Ramadan & Ambang Syawal peringkat sekolah bagi tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi. Program ini bertujuan untuk meraikan kedatangan bulan Ramadan yang disyariatkan berpuasa dan memberikan pengalaman yang berguna kepada para pelajar dengan aktiviti penghayatan bulan Ramadhan.

Majlis ini berlangsung dengan sokongan padu daripada pihak pentadbir, guru-guru, kakitangan AKP, ibu bapa, dan para murid. Salah satu kejayaan yang dicapai ialah kutipan Tabung Ihya' Ramadan sebanyak RM4,452.15. Sumbangan tersebut dan bayaran fidyah telah dimanfaatkan

bagi menyediakan 50 kampil beras yang telah diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Penyelaras Program, Ustazah Jastinah bt Yusof turut menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa, dan sokongan bagi menjayakan majlis ini. Mereka juga memohon maaf atas segala kekurangan atau kekhilafan sepanjang program berlangsung, sambil berharap segala usaha murni ini memberikan keberkatan kepada semua pihak yang terlibat.

Majlis ini menutup program Ihya' Ramadan tahun ini dengan penuh simbolik dan doa agar keberkatan terus menyelubungi komuniti sekolah. SMK Pantai berhasrat untuk meneruskan program-program bermanfaat seperti ini pada masa akan datang demi kesejahteraan bersama.





Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan | 2025.03.24 07:48





Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan | 2025.03.24 09:03



Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan | 2025.03.24 07:41





Pelancaran Rukun Murid SMK Pantai 2025



Labuan, 17 Februari 2025 – SMK Pantai telah melancarkan satu inisiatif baharu yang dinamakan **Rukun Murid**, hasil cetusan idea pengetua sekolah, Encik Ismail bin Abdullah, sebagai langkah meningkatkan tingkah laku dan adab murid. Majlis pelancaran berlangsung di dewan sekolah, dihadiri oleh murid-murid dan guru-guru.

Rukun Murid ini merangkumi lapan prinsip utama yang menjadi panduan setiap murid:

1. Menjunjung Rukun Negara
2. Memelihara Adab
3. Memuliakan Guru
4. Membudayakan Ilmu
5. Mengamalkan Kebersihan
6. Mengusahakan Kejayaan
7. Menjaga Harta Benda
8. Menzahirkan Kebanggaan

Encik Ismail berkata, “Rukun Murid ini terhasil daripada usaha meningkatkan martabat tingkah laku murid semasa cuti sekolah. Ia bertujuan membentuk budaya sekolah yang lebih harmoni dan membantu murid memiliki nilai-nilai yang baik dalam diri mereka.”

Bagi memastikan keberkesanan inisiatif ini, pelbagai aktiviti seperti kuiz dan pertandingan melukis poster akan diadakan secara berkala untuk menguji kefahaman dan kepatuhan murid terhadap Rukun Murid.

Pengetua turut mengingatkan murid beragama Islam untuk melafazkan zikir sebanyak 10 kali sebaik sahaja memasuki kawasan sekolah dan berusaha mencapai 100 kali sebelum tamat waktu persekolahan.

Dengan pelaksanaan Rukun Murid, SMK Pantai berharap dapat melahirkan murid yang memiliki peribadi unggul, berprinsip, dan bermoral. Inisiatif ini dijangka menjadi platform kukuh untuk membentuk generasi yang cemerlang dari segi akademik serta nilai karakter.

Langkah ini mencerminkan usaha gigih SMK Pantai dalam memupuk pendidikan karakter sebagai asas kecemerlangan. Tahniah kepada semua warga sekolah atas kejayaan pelancaran Rukun Murid!







KEPADA MURID-MURID BERAGAMA ISLAM

Sebaik sahaja masuk kawasan sekolah,
bacalah zikir :

سُبْحَانَ اللَّهِ
SUBHANALLAH

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
WALHAMDULILLAH

وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
WALA ILA HA ILLALLAH

وَاللَّهُ أَكْبَرُ
WALLAHU AKBAR

Baca sekurang-kurangnya 10 kali
dan cuba capai
100 kali sepanjang hari
sebelum balik.

"Lazimkan membaca

Subhanallah, Walhamdulillah
Wala Ilaha Ilallah, Wallahu Akbar,
kerana semua itu dapat
menghapuskan dosa sebagaimana
gugurnya daun dari pohon".
(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Murid SMK Pantai Raih Kejayaan dalam Pertandingan Pembaca Bestari



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN W.P. LABUAN

PROGRAM PEMERKASAAN BACAAN MURID *Pembaca Bestari*

10-11 Mac 2025

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

Bahasa Melayu

JOHAN

Md Adam Mikhail Bin Mohd Zaifulnizam
SM Sains Labuan

NAIB JOHAN

Christie Elger Christopher
SMK St Anthony

TEMPAT KE-3

Mohd Suip Razhan Bin Razlan
SMA MAIWPL

TEMPAT KE-4

Syazraylyn Binti Saidine
SMK Taman Perumahan Bedaun

TEMPAT KE-5

Nur Hanizah Binti Rahman
SMK Labuan

Bahasa Inggeris

JOHAN

Hana Syazana Binti Hamsah
SMK Labuan

NAIB JOHAN

Anna Vivienne Androw Celyron
SM Sains Labuan

TEMPAT KE-3

Nur Mashita Binti Masir
SMK Pantai

TEMPAT KE-4

Nur Fatiha Binti Rosman
SMK St Anthony

TEMPAT KE-5

Wan Nur Damia Binti Wan Mohd Hafizzudin
Kolej Vokasional Labuan

SEKTOR SUMBER TEKNOLOGI PENDIDIKAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI WP LABUAN

Labuan, 11 Mac 2025 – Nur Mashita binti Masir, seorang pengawas SPBT dan pelajar dari kelas 5 UKM di SMK Pantai, telah mencapai pencapaian membanggakan dengan memenangi tempat ketiga dalam kategori Bahasa Inggeris Sekolah Menengah bagi pertandingan Pembaca Bestari yang

berlangsung di Perpustakaan Awam PL. Pertandingan Pembaca Bestari diadakan dengan tujuan untuk menggalakkan budaya membaca dan meningkatkan daya analisis pelajar terhadap karya penulisan.


Nur Mashita memilih buku bertajuk '**Glow Inside and Out**' sebagai bahan bacaan utama. Buku yang ditulis oleh **Auni Baharin** ini memberikan inspirasi kepada para pembacanya dengan menggabungkan Psikologi Positif serta panduan dari al-Quran dan Sunnah. Buku tersebut menampilkan sepuluh langkah holistik untuk memperbaiki kebahagiaan dan kesejahteraan pembaca. Penyertaan Nur Mashita dengan buku yang memberikan pengajaran tentang keseimbangan hidup dan kebahagiaan jelas mencerminkan minat beliau terhadap pembacaan yang bermanfaat serta berimpak tinggi.

Selain itu, Nur Mashita juga telah menyertai Pertandingan Bicara Buku, yang masih menunggu keputusan rasmi. Penyertaan beliau dalam pertandingan ini menunjukkan semangatnya yang tinggi dalam bidang pembacaan dan pengucapan awam, sekaligus mencerminkan dedikasi beliau terhadap pengembangan diri.

Tahniah kepada Nur Mashita atas kejayaan ini, yang tidak hanya membanggakan SMK Pantai tetapi juga memberikan inspirasi kepada pelajar lain untuk terus menjadikan membaca sebagai budaya positif dalam kehidupan. Sebagai seorang pengawas SPBT yang berdedikasi, kejayaan ini menunjukkan disiplin dan usaha gigih beliau dalam mengharumkan nama sekolah. Dengan ini, adalah menjadi harapan agar pencapaian Nur Mashita pada kali ini dapat membuka peluang untuk kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.









Majlis Persaraan Puan Edora Binti Ellias: 'Sanjungan Budi Lambaian Kasih'



Labuan, 28 Februari 2025 – Dewan SMK Pantai menjadi saksi majlis penuh emosi dan kenangan manis bagi meraikan persaraan Puan Edora Binti Ellias dalam majlis bertemakan **'Sanjungan Budi Lambaian Kasih'**. Acara yang berlangsung dari pukul 7:00 hingga 9:00 pagi ini disusun dengan rapi bagi menghargai jasa besar beliau sepanjang hampir 32 tahun mencurahkan bakti sebagai seorang pendidik.

31 Tahun, 10 Bulan Cemerlang dalam Dunia Pendidikan Puan Edora memulakan kerjaya sebagai guru di sekolah menengah dan menamatkan perkhidmatannya yang gemilang di SMK

Pantai. Sepanjang tempoh perkhidmatan selama 31 tahun 10 bulan, beliau telah berkhidmat di tiga buah sekolah menengah. Peranan penting yang pernah disandang oleh beliau termasuk Ketua Panitia Bahasa Inggeris, Penyelaras *Middle Years Programme* (IB), dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM).

Dalam ucapan penghargaan oleh guru-guru dan pelajar, ramai yang menzahirkan rasa kagum terhadap dedikasi Puan Edora serta kesungguhan beliau dalam memastikan kualiti pendidikan terus terpelihara. Pengalaman dan sumbangannya kepada bidang pendidikan disifatkan sebagai 'permata' yang sukar dicari ganti.

Pesanan Terakhir yang Menyentuh Hati Sebelum mengakhiri tugasnya sebagai seorang pendidik, Puan Edora sempat menitipkan kata-kata pesanan yang penuh makna kepada warga SMK Pantai. Beliau menasihati agar sentiasa menghormati ibu bapa, menjaga adab di rumah dan di sekolah, serta menggalakkan guru-guru muda agar terus cekal dalam menjalankan tanggungjawab mendidik anak bangsa. "Kejayaan murid adalah kejayaan seorang guru," ujar beliau dengan nada penuh rasa sayang dan harapan.

Majlis berakhir dengan persembahan multimedia yang memaparkan perjalanan karier Puan Edora, disusuli ucapan perpisahan yang menggugah jiwa daripada rakan-rakan seperjuangan. Suasana penuh syahdu menyelubungi dewan ketika deklamasi sajak daripada tuan pengetua ditayangkan.

Semoga persaraan ini membawa kebahagiaan dan ketenangan buat Puan Edora Binti Ellias. Jasa dan bakti beliau kepada dunia pendidikan akan terus dikenang dan menjadi inspirasi kepada generasi pendidik masa hadapan.

Selamat bersara, guru tercinta,

Moga bahagia sepanjang masa,
Bersama keluarga tenang dan damai,
Ingatan mesra sentiasa disemai,
Selamat bersara, Puan Edora!







JAULAH MADANI RAMADAN KPM 2025



Labuan, 17 Mac 2025 – Jaulah Madani Ramadan KPM 2025 berlangsung dengan jayanya di Sek Men Agama Majlis Agama Islam WP Labuan (SMA MAIWPL) dan Sekolah Sukan Negeri SMK

Mutiara malam tadi.

Ia merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai wadah untuk meningkatkan penghayatan Ramadan, menyantuni warga sekolah dan mengeratkan hubungan di antara KPM dengan sekolah, melaksanakan pelbagai aktiviti kerohanian serta menyalurkan sumbangan kepada murid yang memerlukan bantuan.

Program ini diserikan dengan kehadiran YBhg Datuk Wan Hashim bin Wan Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan), dan Tuan Hj Abidin bin Marjan, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Tn Hj Fauzi bin Abdul, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam dan pegawai - pegawai daripada Bahagian Pendidikan Islam.

YBhg Datuk Wan Hashim bin Wan Rahim beserta rombongan melakukan solat berjemaah maghrib, Isyak dan solat tarawih yang diimami oleh Andik Aniq Aqil bin Andik Zul Azri. Antara pengisian dalam Jaulah Madani Ramadan ialah bacaan ayatul quran oleh adik Awangku Faris Haziq bin Ak Syahrul Razmal, tadabbur Hadis 40 Imam Nawawi oleh adik Fathulhifzi Faizi bin Abd Fattah dan adik Ahmad Azhad bin Mohamad Ruzaimi.

Turut hadir dalam Jaulah Madani Ramadan ialah Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, guru-guru daripada SMA MAIWPL dan SMK Mutiara serta murid-murid daripada kedua-dua buah sekolah. Seramai 100 murid menerima sumbangan daripada Yayasan Didik Negara.











Aktiviti Persekolahan

Minggu Pertama Sesi 2025 di SMK Pantai, W.P. Labuan



Labuan, 20 Februari 2025 – SMK Pantai, W.P. Labuan telah mengadakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang minggu pertama sesi persekolahan 2025. Aktiviti yang berlangsung dari 17 Februari hingga 20 Februari ini melibatkan pelajar dari Tingkatan Dua hingga Tingkatan Lima yang bergilir-gilir menyertai pelbagai program yang disusun rapi oleh pihak sekolah.

Isnin, 17 Februari 2025

- **Tingkatan Dua:** Aktiviti Seni dan Budaya seperti Seni Visual, Lakon dan Tari.
- **Tingkatan Tiga:** Aktiviti Bahasa dan Komunikasi melalui Permainan Bahasa.
- **Tingkatan Empat:** Aktiviti STEM yang melibatkan permainan Sains dan Kejuruteraan.
- **Tingkatan Lima:** Aktiviti Sukan dan Rekreasi termasuk Squid Games dan Gender Sport.

Selasa, 18 Februari 2025

- **Tingkatan Dua:** Aktiviti Bahasa dan Komunikasi dengan Permainan Bahasa.
- **Tingkatan Tiga:** Aktiviti Seni dan Budaya seperti Seni Visual, Seni Lakon dan Tari.
- **Tingkatan Empat:** Aktiviti Sukan dan Rekreasi termasuk Squid Games dan Gender Sport.
- **Tingkatan Lima:** Aktiviti STEM yang melibatkan permainan Sains dan Kejuruteraan.

Rabu, 19 Februari 2025

- **Tingkatan Dua:** Aktiviti STEM dengan permainan Sains dan Kejuruteraan.
- **Tingkatan Tiga:** Aktiviti Sukan dan Rekreasi termasuk Squid Games dan Gender Sport.
- **Tingkatan Empat:** Aktiviti Seni dan Budaya seperti Seni Visual, Lakon dan Tari.
- **Tingkatan Lima:** Aktiviti Bahasa dan Komunikasi dengan Permainan Bahasa.

Khamis, 20 Februari 2025

- **Tingkatan Dua:** Aktiviti Sukan dan Rekreasi termasuk Squid Games dan Gender Sport.
- **Tingkatan Tiga:** Aktiviti STEM dengan permainan Sains dan Kejuruteraan.
- **Tingkatan Empat:** Aktiviti Bahasa dan Komunikasi dengan Permainan Bahasa.
- **Tingkatan Lima:** Aktiviti Seni dan Budaya seperti Seni Visual, Lakon dan Tari.

Ketua Penyelaras Aktiviti Persekolahan Minggu Pertama Sesi 2025, Encik Abdullah bin Ali, mengucapkan terima kasih kepada semua guru atas komitmen mereka sepanjang minggu ini. "Saya amat menghargai dedikasi semua guru yang bekerja keras memastikan setiap aktiviti berjalan lancar," kata beliau.

Penutupan aktiviti minggu pertama telah diadakan pada

hari Jumaat dengan agenda berikut:

- Kata aluan pengacara majlis.
- Tayangan video dan foto sepanjang minggu.
- Penyampaian hadiah oleh Unit Sukan dan Rekreasi, Unit Seni dan Budaya, Unit Bahasa dan Komunikasi, dan Unit STEM.

Majlis penutupan ini akan dihadiri oleh Pengetua SMK Pantai, Encik Ismail bin Abdullah, serta guru-guru dan pelajar yang telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sepanjang minggu.

SMK Pantai berharap agar aktiviti minggu pertama ini dapat memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk terus berusaha dan mencapai kejayaan dalam akademik serta kokurikulum sepanjang tahun 2025.















SMK Pantai Labuan Adakan Hari Pendaftaran Murid



Labuan, 15 Februari 2025 – SMK Pantai WP Labuan melangsungkan Hari Pendaftaran Murid pada 15 Februari 2025, dari jam 8 pagi hingga 11 pagi. Acara ini diadakan bagi memudahkan proses pendaftaran murid-murid yang baru serta memperkenalkan suasana sekolah kepada mereka.

Bagi pelajar Tingkatan Satu, pendaftaran dilakukan di Dewan sekolah. Murid-murid tersebut mengambil buku-buku teks di Dewan dan kemudian membeli kelengkapan sekolah di Koperasi sekolah. Dalam masa yang sama, mereka juga melengkapkan borang-borang pendaftaran yang diperlukan bersama dengan guru kelas masing-masing.

Sementara itu, pelajar Tingkatan Dua, Tiga, Empat dan Lima mendaftar di kelas masing-masing. Mereka turut membersihkan kelas serta memperbaharui info-info kelas seperti jadual waktu, jadual bertugas, dan mengisi borang maklumat murid. Aktiviti ini diadakan bagi memastikan keadaan kelas teratur dan siap untuk sesi pembelajaran yang akan datang.

Selain itu, kelas-kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) turut mengadakan pendaftaran pada hari yang sama. Ibu bapa murid PPKI hadir bersama bagi membantu proses pendaftaran dan berkenalan dengan guru-guru yang terlibat.

Pengetua SMK Pantai WP Labuan, En Ismail bin Abdullah, menyatakan bahawa Hari Pendaftaran Murid ini adalah satu langkah penting dalam memastikan semua murid dapat memulakan sesi pembelajaran mereka dengan lancar. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua guru dan staf yang telah bertungkus-lumus menjayakan acara ini.

Hari Pendaftaran Murid SMK Pantai Labuan berakhir dengan jayanya pada jam 11 pagi, dan murid-murid kini bersedia untuk memulakan sesi pembelajaran mereka dengan semangat yang baru.







